

RUMUSAN CIRI GURU BERKESAN:

- ★ Guru yang kreatif akan sentiasa mencari idea baru dan menarik dalam kaedah dan teknik pengajarannya serta menghasilkan Bahan Bantu Mengajar yang berkesan. Selain itu, sentiasa menyesuaikan bentuk pengajarannya dengan pelajar yang berbeza minat dan tahap kebolehan. Dengan ini, pelajar berasa seronok, bertambah minat, faham, menghayati bahan yang diajar, meningkatkan kemahiran dan aspek kognitif pelajar serta dapat melakukan aktiviti yang berkaitan dengan pembelajaran yang telah dijalani.
- ★ Guru yang berkesan adalah mereka yang bukan sahaja mempunyai pengetahuan dan kebolehan teknikal dalam bidang mereka, tetapi juga memiliki kemahiran komunikasi yang luar biasa dan kepekaan terhadap keperluan pelajar. Mereka mampu mencipta pengalaman pembelajaran yang menyeronokkan, menginspirasi pelajar untuk mencapai potensi terbaik mereka, dan memberikan sokongan yang mengikut keperluan individu. Kesediaan mereka untuk terus belajar dan berinovasi dalam pendidikan adalah satu ciri penting, dan mereka menjalankan tanggungjawab etika dan profesional mereka dengan integriti yang tinggi. Gaya pengajaran mereka memupuk rasa ingin tahu, pemikiran kritis, dan perkembangan holistik pelajar, membantu mencipta masyarakat yang berpengetahuan dan berdaya saing.
- ★ Guru yang berkesan adalah guru yang sentiasa memperbaiki kaedah pedagogi dalam proses pengajaran dan pembelajarannya. Dalam proses pengajaran, seseorang guru itu akan menggunakan kaedah pedagogi yang mampu diikuti oleh pelbagai jenis murid yang pelbagai seperti lemah, sederhana dan pintar. Sekiranya seseorang guru itu hanya mementingkan satu teknik sahaja maka guru keberkesanan pembelajaran kepada pelajar yang lemah akan ketinggalan. Pelajar-pelajar yang lemah ini tidak mampu mencapai objektif yang ditetapkan oleh guru. Oleh itu, seseorang guru itu perlulah meneliti pedagogi agar selari dengan kemampuan murid yang diajar oleh mereka agar pembelajaran yang bermakna dapat dicapai oleh murid-murid di sekolah. Contohnya, dalam menghasilkan pembelajaran yang bermakna, guru boleh menyediakan persekitaran pembelajaran yang interaktif contohnya dengan menggunakan media digital yang menarik semasa proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung. Kesannya, murid dapat belajar dengan seronok dan lebih mudah dalam menimba ilmu pengetahuan.
- ★ Guru yang berkesan adalah guru yang mampu memberikan pengajaran dengan penuh dedikasi, penyayang, dan penuh kesabaran kepada murid-murid mereka.

Guru berkesan juga memahami keperluan dan keupayaan setiap murid, serta mampu menyampaikan maklumat dengan cara yang mudah difahami misalnya guru boleh menyediakan persekitaran pembelajaran yang kondusif yang dapat merangsang minat pelajar serta memberi dorongan positif untuk meningkatkan pencapaian akademik serta perkembangan peribadi pelajar. Guru berkesan juga berkomunikasi dengan baik, mendengar pendapat murid-murid, dan berusaha untuk memahami perasaan serta keperluan mereka. Selain itu, guru berkesan mempunyai pengetahuan yang kukuh dalam bidangnya dan sentiasa berusaha untuk memperbaharui ilmu serta kemahiran mereka dalam bidang pendidikan.

- ★ Guru Sejarah berkesan mempunyai latar belakang pengetahuan sejarah yang kukuh, latihan profesional yang mencukupi, terutama dalam bidang kurikulum dan pedagogi sejarah, sikap yang positif terhadap peranannya sebagai guru sejarah dan sentiasa mencari jalan untuk melengkapi dirinya dengan isu-isu yang berkaitan dengan pengajaran sejarah. Daya imaginasi, kreatif, kritis dan inovatif, mempunyai ciri-ciri peribadi yang menarik, aktif dan daya keciindan (sense of humour), berupaya mengenal pasti perbezaan latar belakang murid agar dapat menggunakan pendekatan Pelbagai Kecerdasan (Multiple Intelligences) dalam pengajaran. berupaya menyediakan sokongan persekitaran pembelajaran yang berkesan untuk menjayakan Pembelajaran Luar Bilik Darjah (PLBD); menyedia dan memberi peluang belajar kepada murid untuk menghayati mata pelajaran Sejarah.